

Sasaran Malaysia bersih menjelang tahun 2020

Sikap rakyat kurang pentingkan kebersihan sukarkan misi



**AB RAHIM
MD NOOR**

Malaysia sedang menuju ke arah sebuah negara maju, bersih, indah dan sejahtera menjelang tahun 2020. Kerancangan pembangunan infrastruktur negara berada pada landasan yang betul bagi mencapai tahap itu.

Bagaimanapun, minda dan sikap masyarakat Malaysia dari aspek penjagaan kebersihan persekitaran dan pemeliharaan alam sekitar masih belum mencapai tahap diharapkan sebagai masyarakat negara maju.

Realitinya, negara kita pada masa ini masih lagi berhadapan dengan isu lama berhubung sikap tidak bertanggungjawab dan kesedaran sivik yang masih rendah seperti pembuangan sampah merata-rata, longgokan sampah di tempat yang tidak dibenarkan, kadar kitar semula yang masih rendah dan meletakkan tanggungjawab menjaga kebersihan hanya kepada pihak kerajaan semata-mata.

Kerajaan mensasarkan untuk menyenaraikan Malaysia dalam 10 negara terbersih pada tahun 2020, berdasarkan Environmental Performance Index (EPI) adalah pemangkin kepada inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh semua pihak, termasuk agensi kerajaan, badan swasta, ba-

dan bukan kerajaan (NGO) untuk membentuk minda dan budaya bangsa ke arah menghargai kebersihan demi kelestarian alam sekitar.

Sasaran yang dihasratkan oleh kerajaan ini mencabar dan kejayaan kepada aspirasi itu memerlukan sinergi dan tindakan bersepadu yang sangat tinggi dari semua pihak, khususnya Kementerian utama seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan beberapa kementerian dan agensi yang lain.

Indikator ukur tahap kebersihan

Pada peringkat global, ada banyak inisiatif yang diwujudkan oleh NGO dan institusi di seluruh dunia bagi membangunkan indikator untuk mengukur tahap kelestarian pembangunan. Kini terdapat beberapa indeks yang berkaitan alam sekitar diwujudkan di kebanyakan negara antaranya ialah Indeks Pencemaran Udara, Indeks Kualiti Air Sungai, Indeks Pembangunan Lestari, Indeks Kebolehterancaman Alam Sekitar dan sebagainya.

Indeks Prestasi Alam Sekitar (EPI) adalah inisiatif pada peringkat global yang mana instrumen diwujudkan bagi mengukur prestasi alam sekitar. Pengukuran prestasi ini berteraskan data kuantitatif dan petunjuk utama bagi membantu penggubal dasar membuat keputusan berkaitan pembangunan dan pengu- rusan alam sekitar.

EPI adalah indeks berasaskan prestasi yang dibangunkan oleh Universiti Yale (Yale Centre for Environmental Law and Policy) dan



Universiti Columbia (Centre for International Earth Science Information Network) dengan kerjasama Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Data yang dibangunkan dalam pembangunan EPI Global diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), United Nations Global Environment Monitoring System (GEMS), agensi kerajaan, NGO dan ahli akademik. Nilai kuantitatif EPI dibentuk melalui penilaian seimbang terhadap dua matlamat utama iaitu kesihatan alam sekitar dan daya tahan eko-

sistem dengan 20 petunjuk yang meliputi data berkaitan alam sekitar yang dinilai pada peringkat nasional.

Petunjuk ini dirangkumkan ke dalam sembilan indikator iaitu impak kesihatan, kualiti udara, air dan sanitasi, sumber air, pertanian, perhutanan, perikanan, biodiversiti dan iklim serta tenaga.

EPI diterbitkan setiap dua tahun dan laporan pertama diterbitkan sejak tahun 2006. Sehingga kini, lima laporan diterbitkan dan keluaran yang terkini pada tahun 2014.

Berdasarkan EPI Global 2014, Malaysia berada pada kedudukan ke-51



Keadaan sampah yang tidak terurus mencemarkan pemandangan sekitar selain menyebabkan bau busuk. Gambar kanan, sungai turut menjadi mangsa sikap tidak bertanggungjawab manusia membuang sampah merata-rata.

[GAMBAR HIASAN]





Pelajar sekolah bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah. Gambar kiri, program kitar semula perlu didedahkan kepada kanak-kanak sejak dari awal.

[GAMBAR HIASAN]

dan bagi mencapai sasaran untuk berada di tempat ke-10 pada masa ini adalah Norway (dengan skor sebanyak 78.04 peratus), Malaysia harus memberikan fokus kepada aspek tertentu yang jika dilihat masih rendah skor penilaiannya.

Skor cemerlang 90 peratus

Jika dilihat kepada penilaian yang dilaksanakan, Malaysia mencatatkan skor yang cemerlang iaitu melebihi 90 peratus pada indikator seperti Impak Kesihatan (95.38 peratus), Kepelbagaian Bio dan Habitat (93.37 peratus) dan Kualiti Udara (90.54 peratus). Bagaimanapun, indikator seperti Sumber Air (8.64 peratus), Hutan (1.68 peratus), Perikanan (17.6 peratus) serta Iklim dan Tenaga (40.24 peratus) antara indikator yang mencatatkan jurang besar dan langkah penambahbaikan perlu diambil segera.

Kedudukan yang baik dalam EPI Global adalah kelebihan kepada sesebuah negara kerana ia menggambarkan komitmen negara berkenaan dalam memas-

tikan kelestarian dan pengurusan sumber alam yang baik selaras dengan pembangunan ekonomi yang mampan.

Selain itu, kedudukan yang baik ini juga akan menjamin kelestarian kehidupan jangka panjang yang memberikan banyak manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Penggunaan EPI amat penting kerana instrumen ini diterima pada peringkat global sebagai penanda aras kelestarian sesebuah negara. Ia dapat mengukur secara berkesan pencapaian negara berbanding negara lain.

Justeru, kedudukan Malaysia dalam EPI Global yang kian menurun mulai tahun 2008 perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak yang bertanggungjawab dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar berkaitan alam sekitar di negara ini.

Matlamat untuk memperbaiki kedudukan negara dalam EPI Global menjadi keutamaan kepada kerajaan yang sudah mengambil tindakan seperti dilaksanakan oleh NRE melalui pelaksanaan strategi pengurusan alam sekitar yang lestari seperti digariskan dalam pelan strategik yang memberi fokus utama dalam memperkemaskan penunjuk kelestarian negara dan dalam jangka masa panjang untuk meningkatkan kedudukan negara dalam EPI Global.

Ia juga dilihat selaras dengan hasrat kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang menetapkan sasaran untuk menjadikan EPI sebagai petunjuk prestasi alam sekitar negara.

Sehubungan itu, fokus utama pelaksanaan strategi ini adalah selari dengan usaha ke arah pematuan standard antarabangsa, melalui pembangunan metodologi dan prosedur bagi menghasilkan Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia berasaskan model EPI Global dan meningkatkan perolehan data dari sudut format, kualiti dan kuantiti sejajar dengan piawai EPI.

Kejayaan kepada pembangunan EPI Malaysia bergantung kepada tahap kualiti data alam sekitar yang disimpan oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan. Komitmen dan kerjasama semua pihak sangat penting untuk memastikan Malaysia dapat memperbaiki kedudukan da-

lam penarafan EPI Global pada tahun 2016 yang akan datang dan seterusnya menduduki tangga ke-10 pada tahun 2020 kelak seperti yang dihasratkan oleh kerajaan.

Semua pihak perlu kerjasama

Selain itu, agensi-agensi lain juga perlu memainkan peranan dalam membantu NRE mencapai matlamat yang ditetapkan. Ini boleh dilaksanakan dengan memperkasakan elemen yang penting seperti kecekapan sistem pentadbiran dan penyampaian organisasi, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan, sistem pengumpulan dan penyimpanan data yang komprehensif, menjalankan kolaborasi dengan agensi yang terlibat dalam penilaian EPI Global dan sebagainya.

Hasrat untuk meletakkan Malaysia di tempat ke-10 diharap memberi inspirasi kepada semua pihak khususnya kementerian dan agensi yang bertanggungjawab memastikan hasrat yang diutarakan benar-benar direalisasikan.

Ia tidak mustahil untuk dilaksanakan kerana Malaysia pernah berada di kedudukan kesembilan semasa kali pertama penarafan EPI Global 2006 diadakan. Dengan penambahbaikan kepada beberapa indikator EPI dan sistem penilaian yang semakin tinggi tahapnya, menyebabkan Malaysia berada di kedudukan sekarang.

Namun, semua pihak perlu menjadikan aspirasi negara ini sebagai amanah dan tanggungjawab yang bukan sahaja memberi manfaat kepada negara, malah apa yang lebih penting kepada kelangsungan kehidupan generasi masa kini dan akan datang. Selain itu, ia salah satu usaha murni bagi memastikan negara kita dapat melahirkan masyarakat yang menghargai dan memelihara alam sekitar sebagai anugerah demi kesejahteraan alam sekitar dan kelangsungan kehidupan.

Usaha kepada pembentukan minda masyarakat yang menghargai dan memelihara alam sekitar kini adalah agenda nasional dan harus diberikan fokus utama oleh semua pihak. Hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bersih, indah dan sejahtera tidak hanya cukup dengan penyediaan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Apa yang lebih mustahak, minda masyarakat perlu berubah ke arah kehidupan yang membudayakan kebersihan dan penjagaan alam sekitar.

Dalam hal ini, SWCorp akan memastikan segala perancangan yang digariskan dalam Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera akan dilaksanakan secara berkesan. Pendekatan yang strategik seperti C4E iaitu *communicate* (berkomunikasi), *educate* (mendidik), *engage* (melibatkan), *empower* (memberi tanggungjawab) dan *enforce* (menguatkuasa) juga sentiasa digunakan dalam setiap tindakan yang diambil untuk penghasilan yang lebih berimpak tinggi dan signifikan.

Agensi lain juga digalakkan melaksanakan pendekatan yang strategik kerana ia elemen penting untuk memastikan sesuatu keberhasilan (outcome). SWCorp yakin aspirasi negara ini bukan suatu yang mustahil untuk dicapai jika semua pihak bertekad, memberikan komitmen yang tinggi dan bertindak secara bersatu bagi memastikan hasrat murni yang telah ditetapkan kerajaan ini benar-benar direalisasikan.

Penulis

ialah Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp

Kerajaan mensasarkan untuk menyenaraikan Malaysia dalam 10 negara terbersih pada tahun 2020, berdasarkan Environmental Performance Index (EPI)

EPI adalah pemangkin kepada inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh semua pihak, termasuk agensi kerajaan, badan swasta, NGO untuk membentuk minda dan budaya bangsa ke arah menghargai kebersihan alam sekitar

Kedudukan Malaysia dalam EPI Global yang kian menurun mulai tahun 2008 perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak yang bertanggungjawab



DENGAN KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

我有一百块钱
Wǒ yǒu yì bǎi kuài qián
SAYA ADA SERATUS RINGGIT



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:
Tel: 603-41442788
Faks: 603-41443098
Laman Web: www.hccm.com.my/ms
E-mel: info@hccm.com.my

SIRI 115

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video

